

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan rumusan hasil kajian yang diperolehi. Rumusan ini akan dibentangkan dalam bentuk deskriptif mengikut tajuk-tajuk rumusan kajian. perbincangan dapatan kajian, implikasi kepada pengajaran dan pembelajaran dan cadangan-cadangan.

#### **5.2 Perbincangan Dapatan Kajian**

Perbincangan dapatan kajian ini adalah merujuk kepada :-

- i. Latar belakang guru pendidikan jasmani
- ii. Pencapaian objektif kurikulum pendidikan jasmani tingkatan empat di sekolah menengah
- iii. Strategi dan kaedah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani.
- iv. Masalah-masalah dan halangan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani tingkatan empat di sekolah menengah.
- v. Persepsi guru terhadap pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani tingkatan empat di sekolah menengah.

### **i. Latar Belakang Guru Pendidikan Jasmani**

Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 90.5 % guru opsyen lain diberi tugas untuk mengajar mata pelajaran pendidikan jasmani. Malah guru tersebut hanya mempunyai pengalaman mengajar subjek ini kurang dari lima tahun, iaitu sebanyak 69.5 %. Guru berikut juga kebanyakannya (60 %) tidak pernah mengikuti kursus dalam perkhidmatan PJK. Dapatan kajian ini bertepatan dengan laporan Bahagian Pendidikan Guru, 1995 (dalam Zuber Hassan, 2001) yang mendapati bahawa sebanyak 71.40 % guru opsyen lain diberi tugas untuk mengajar subjek pendidikan jasmani.

### **ii. Pencapaian Objektif Kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan Empat**

Hasil daripada kajian mendapati bahawa, daripada enam objektif kurikulum pendidikan jasmani yang disenaraikan, sebanyak tiga objektif sebahagian besarnya adalah mencapai matlamat mengikut pandangan guru. Objektif pertama yang tercapai ialah kurikulum PJ adalah untuk memelihara dan meningkatkan taraf kesihatan serta kecergasan para pelajar. Ini adalah kerana penekanan yang diberikan oleh guru tentang pengetahuan serta sikap untuk menjaga kesihatan serta kecergasan. Penemuan ini adalah disokong dengan dapatan kajian oleh Zainun Ishak (1995) yang mengatakan pengajaran pendidikan jasmani adalah untuk meningkatkan kesihatan jasmani murid-murid. Penemuan ini adalah bersesuaian dan bertepatan dengan kemahuan kementerian pendidikan melalui surat pekeliling KP(SUKAN) 1095/08/20

(13) tahun 2000 dan 1998 yang mewajibkan semua sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti yang dapat meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan pelajar selaras dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan jasmani dan pendidikan kesihatan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998 ; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Kurikulum pendidikan jasmani tingkatan empat mengikut pandangan guru adalah mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ini adalah kerana guru berpegang kepada konsep jasmani, rohani, emosi dan intelek dalam setiap mata pelajaran yang diajar. Justeru itu ianya adalah bertepatan dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dapatan kajian ini adalah disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Zawiah Abas pada tahun 1993, di mana kajiannya juga menunjukkan hampir 90 peratus daripada guru PJ menerima dan bersetuju bahawa pendidikan jasmani dapat melahirkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Objektif ketiga yang tercapai mengikut pandangan guru pendidikan jasmani ialah kurikulum pendidikan jasmani tingkatan empat membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif, riang dan selamat. Konsep “keselamatan diutamakan” telah diamalkan oleh guru pendidikan jasmani, di mana kurikulum tersebut telah menyenaraikan dengan lengkap aspek-aspek keselamatan dalam latihan daya tahan kardiovaskular, daya tahan otot dan kekuatan, seperti latihan yang sistematik, tahap kemampuan pelajar, penyeliaan, arahan dan kemudahan peralatan. Langkah-langkah

keselamatan dalam aktiviti fizikal selalu ditekankan oleh guru PJ secara teori, namun kebanyakan guru secara amalnya adalah kurang melakukan latihan kerana takutkan kemungkinan buruk berlaku, jadi guru mengambil jalan selamat dengan mengurangkan atau tidak menjalankan aktiviti fizikal dalam pendidikan jasmani. Justeru itu, para pelajar hanya memahami konsep kecergasan fizikal serta prinsipnya secara teori. Begitu juga dengan konsep riang dan aktif, di mana pelajar bergiat aktif dan riang dalam setiap aktiviti pendidikan jasmani, terutama dalam bidang permainan seperti hoki, sepak takraw, olahraga dan tenis yang dikhususkan kepada tingkatan empat.

Terdapat tiga objektif kurikulum PJ tingkatan empat yang tidak mencapai objektif, iaitu kurikulum PJ mengintegrasikan isi pelajaran dengan kemahiran daripada beberapa bidang lain, kurikulum PJ menghubungkan pembelajaran dalam bilik darjah dengan masalah-masalah yang dihadapi dengan kehidupan pelajar-pelajar, dan kurikulum PJ menggalakkan pelajar-pelajar meningkatkan minat terhadap pembelajaran akademik. Mengikut pandangan guru, kurikulum PJ tidak mengintegrasikan isi pelajaran dengan kemahiran daripada beberapa bidang lain. Ini adalah kerana guru kurang atau tidak memahami isi pelajaran pendidikan jasmani. Bagi mereka konsep PJ disempitkan dan hanya menumpukan kepada kemahiran `bermain` sahaja.

Mengikut pandangan guru juga, kurikulum pendidikan jasmani tingkatan empat tidak menghubungkan pembelajaran dalam bilik darjah dengan masalah-

masalah yang dihadapi dengan kehidupan pelajar. Ini adalah kerana guru-guru yang mengajar pendidikan jasmani adalah kurang pengalaman dan sebahagian besar guru tersebut tidak mengikuti kursus yang berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani. Jadi pendedahan terhadap kurikulum tersembunyi dalam pendidikan jasmani adalah tidak jelas.

Kurikulum pendidikan jasmani tidak menggalakkan minat pembelajaran akademik, malah waktu pendidikan jasmani dianggap sebagai satu tempat atau ruang untuk pelajar dan guru “berehat” daripada penat lelah pembelajaran subjek sebelumnya. Jadi waktu PJ tersebut tidak dijadikan masa untuk beriadah dengan aktiviti fizikal dan mental agar dapat mengurang serta menghilangkan tekanan supaya menggalakkan pembelajaran akademik selanjutnya.

### **iii. Strategi dan Kaedah Dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani**

Hasil kajian mendapati bahawa strategi dan kaedah yang kerap digunakan oleh guru PJ dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani tingkatan empat di sekolah menengah adalah kaedah perintah dan arahan (74.2 %).

Kebanyakan guru telah didedahkan dengan pelbagai kaedah pengajaran sama ada untuk pengajaran pendidikan jasmani atau pun pengajaran subjek yang lain.

Latihan di maktab-maktab, institusi pengajian tinggi, kursus-kursus dalam perkhidmatan dan kursus-kursus dalaman telahpun disalurkan berbagai-bagai kaedah pengajaran, termasuklah pengajaran pendidikan jasmani. Namun begitu kaedah memusatkan guru tetap menjadi pilihan dan merupakan kaedah yang utama seperti kaedah perintah dan arahan. Pengajaran yang memusatkan guru bermakna guru menyampaikan isi pelajaran tanpa menghiraukan kebolehan, minat dan latar belakang pelajar. Penemuan ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Zuber Hassan (1999), yang mana guru PJ cenderung menggunakan kaedah yang memusatkan guru dalam pengajaran dan pembelajarannya seperti kaedah perintah dan arahan.

Dapatan kajian juga menunjukkan kaedah projek dan lawatan adalah kaedah yang amat jarang dan tidak pernah digunakan oleh guru dalam pengajaran pendidikan jasmani. Sebanyak 87.6 % dan 96.2 % responden mengatakan demikian dalam kajian ini. Begitu juga dengan kaedah penyelesaian masalah dan inkuiri penemuan di mana guru kadang-kadang dan tidak pernah menggunakannya dalam pengajaran pendidikan jasmani. Sebanyak 74.3 % dan 80 % responden mengatakan demikian dalam kajian ini. Ini mungkin disebabkan oleh guru yang beranggapan bahawa mereka tiada pilihan kaedah pengajaran, mereka kekurangan kaedah mengajar. Jadi kebanyakan guru beranggapan bahawa kaedah tersebut adalah tidak sesuai digunakan untuk mata pelajaran pendidikan jasmani ataupun sesetengah guru tidak mengetahui teknik menggunakannya. Manakala bagi mereka, teknik perintah dan arahan adalah sesuai untuk mata pelajaran pendidikan jasmani di mana arahan "bermain" mudah diberikan

kepada pelajar sekolah menengah. Guru berpendapat pelajar tingkatan empat sudah dapat menyelesaikan masalah mereka sendiri tanpa bantuan guru dalam aktiviti permainan.

Justeru itu kebanyakan guru adalah tidak dapat menggunakan kaedah pengajaran pendidikan jasmani dengan sepenuhnya ataupun tidak tahu dan tidak berpengalaman menggunakannya dalam mata pelajaran PJ. Jadi, ini menunjukkan hanya guru yang bertauliah dan mempunyai opsyen pendidikan jasmani sahaja yang layak diberi tugas untuk mengajar subjek tersebut seperti yang diarahkan oleh surat pekeliling ikhtisas Bil. 3/1979 Pendidikan Jasmani (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979). Jika ianya dilaksanakan oleh guru yang tidak mempunyai latihan khas dan bertauliah, maka pelaksanaannya boleh menimbulkan banyak masalah dari segi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini telah menyokong kajian yang dijalankan oleh Shabeshan (1998), di mana dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa masalah kekurangan guru yang berkaliber dan kurangnya guru opsyen pendidikan jasmani di sekolah menengah telah menyumbang peratusan yang besar dalam penurunan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani.

iv. **Masalah-Masalah dan Halangan Dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani.**

Hasil kajian mendapati bahawa masalah-masalah dan halangan yang dihadapi oleh guru pendidikan jasmani dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran

adalah bukan merupakan perkara yang serius, di mana sebahagian besar masalah-masalah tersebut adalah di kategorikan sebagai “tidak bermasalah”, iaitu melebihi 65 %. Guru-guru pendidikan jasmani tidak bermasalah untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajarannya, di mana ia mencatatkan peratus yang paling tinggi iaitu 94.3 %. Guru-guru juga tidak bermasalah untuk mendisiplinkan pelajar (80%), peruntukan masa PJ (80.9 %) , peralatan (80 %), saiz kelas (71.4 %) dan kemudahan gelanggang, padang dan dewan (68.5 %).

Dapatan kajian ini adalah bercanggah dengan hasil kajian oleh Zainun Ishak (1995) yang mengatakan masalah dalam pelaksanaan kurikulum PJ ialah kelas besar dan kemudahan peralatan ; Sazali Sam (1996) yang menyatakan masalah saiz kelas (pelajar terlalu ramai dalam satu kelas) dan masalah kemudahan gelanggang. Hasil kajian ini juga bercanggah dengan laporan tinjauan oleh The Daily Telegraph pada 22 Mac 1995 (dalam Hardman, 1995) yang menyatakan kurikulum kebangsaan di England dan Wales menghadapi masalah peruntukan masa pendidikan jasmani

Dari segi minat pelajar semasa sesi pendidikan jasmani didapati bukan merupakan masalah utama dalam kajian ini, di mana hanya 25.7 % sahaja yang bermasalah, manakala selebihnya 74.3 % adalah tidak bermasalah. Jadi, penemuan kajian ini telah menyokong kajian oleh Curtis et. al. (1996), di mana beliau mendapati pelajar pendidikan jasmani riang dan gembira (81 %) dalam menyertai program PJ. Ini menunjukkan bahawa aktiviti pendidikan jasmani dapat menarik minat para pelajar untuk menyertainya.



Walau bagaimanapun, hasil kajian ini adalah bercanggah dengan dapatan kajian oleh Metzler (1980), Paese (1983), Misner dan Arbogast (1990), Cosbon (1992) yang mendapati bahawa masalah dalam pelaksanaan kurikulum PJ ialah pelajar dan guru tidak menunjukkan minat sehingga mengakibatkan subjek ini hilang kredibilitinya.

v. **Persepsi Guru Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani.**

Sikap penentangan guru sering dikatakan salah satu punca kegagalan pelaksanaan kurikulum (Mohd. Nor Mahmood, 1994). Biasanya sikap penentangan ini disebabkan oleh guru kurang memahami kandungan kurikulum yang dilaksanakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar guru, iaitu sebanyak 75.2 % suka mengajar pendidikan jasmani. Ini mungkin disebabkan oleh subjek tersebut tiada tekanan sama ada subjek berkenaan bukan mata pelajaran peperiksaan ataupun subjek itu subjek untuk guru melepaskan tekanan. Penemuan kajian ini juga membuktikan bahawa sebanyak 69.5 % guru sentiasa mencari idea baru supaya pengajaran PJ menjadi menarik dan berkesan. Ini menunjukkan bahawa sikap positif serta sokongan dari pihak guru terhadap mata pelajaran pendidikan jasmani dapat meningkatkan pencapaian objektif dalam pengajaran pendidikan jasmani. Dapatan kajian ini adalah disokong oleh kajian kes yang dijalankan oleh Darinda Sari (1990) yang juga mendapati sikap positif akan mewujudkan komitmen yang tinggi untuk pencapaian maksima dalam pengajaran dan pembelajaran PJ. Ini diperkukuhkan lagi

oleh penyelidikan oleh Zawiah Abas (1993), mendapati bahawa guru-guru PJ mempunyai persepsi yang positif terhadap pelaksanaan mata pelajaran ini dalam KBSM sebagai mata pelajaran wajib di sekolah.

Persepsi guru terhadap item-item negatif pula mendapati bahawa sebahagian besar guru (74.3 %) mengatakan subjek pendidikan jasmani adalah membebankan mereka dan guru-guru berasa jemu dan bosan ( 69.5 %) apabila mereka ditugas mengajar PJ terlalu lama. Kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan guru ingin mengajar subjek lain jika diberi peluang (51.4 %). Begitu juga dengan pendapat guru mengenai mata pelajaran PJ, mereka tidak bersetuju (80.9 %) mengatakan subjek ini adalah tidak penting. Ini menunjukkan bahawa guru-guru memberi sikap yang positif terhadap mata pelajaran pendidikan jasmani. Kajian ini telah menyokong kajian yang dilakukan oleh Wee Eng Hoe ( 2003) ke atas 1,637 orang guru PJ sekolah menengah juga menunjukkan bahawa sikap yang positif dan sokongan terhadap mata pelajaran ini telah ditunjukkan oleh guru tersebut, sama ada mereka adalah guru yang opsyen pendidikan jasmani atau pun bukan opsyen pendidikan jasmani.

### **5.3 Implikasi Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani**

Kurikulum Pendidikan Jasmani yang disampaikan adalah untuk memelihara dan meningkatkan taraf kesihatan dan kecergasan para pelajar. Kurikulum PJ juga membolehkan pelajar-pelajar melibatkan diri secara aktif, riang dan selamat. Objektif-

objektif ini telah tercapai mengikut persepsi guru-guru PJ. Jadi ianya telah memberi implikasi kepada pengajaran dan pembelajaran. Pelajar yang cergas, aktif, riang dan mempunyai taraf kesihatan yang baik boleh mencetuskan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan baik, bukan sahaja untuk mata pelajaran PJ, malah untuk subjek yang lain.

Di antara strategi dan kaedah yang kerap digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran PJ di sekolah ialah perintah dan arahan. Kaedah ini memberi kesan negatif terhadap pelajar, kaedah ini tidak menggalakkan pelajar berfikir untuk menyelesaikan masalah. Pelajar akan menjadi kaku, tidak dapat menjana idea dan tidak kreatif. Secara kesimpulannya, kaedah sebegini adalah berpusatkan kepada guru. Penggunaan kaedah-kaedah tersebut mengakibatkan pelajar tidak berminat dengan pengajaran PJ, pelajar akan berasa jemu dan bosan dengan teknik pengajaran berikut. Justeru itu para pelajar akan menimbulkan masalah disiplin seperti ponteng kelas PJ, tidak membawa pakaian PJ dan suka mengusik pelajar lain semasa guru sedang mengajar.

Penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran pendidikan jasmani, mendisiplinkan para pelajar, peruntukan masa PJ dan peralatan yang mencukupi serta mendapat kerjasama dan sokongan dari pihak pentadbir bukan merupakan masalah yang utama dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani tingkatan empat di sekolah menengah. Jadi, faktor-faktor ini akan memberi kesan yang positif keatas

pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani, di mana pengajaran dan pembelajarannya akan menjadi lancar dan sempurna.

Perasaan jemu dan bosan di kalangan guru yang mengajar PJ boleh memberi implikasi kepada pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani. Perasaan ini wujud kerana mata pelajaran ini bukan opsiyen mereka. Sekiranya guru berikut ditugaskan dan dipaksa mengajar PJ dalam keadaan guru yang berkeadaan sedemikian, ianya boleh membawa kesan yang negatif seperti mengajar subjek lain masa PJ, mengajar pendidikan jasmani dengan tidak mengikut sukatan pelajaran dan mengajar pendidikan jasmani dengan kaedah yang tidak menarik minat pelajar.

#### **5.4 Cadangan-Cadangan**

Berdasarkan dapatan kajian, di sini dikemukakan beberapa cadangan untuk mempertingkatkan mutu kurikulum pendidikan jasmani tingkatan empat, khasnya dalam pengajaran dan pembelajaran serta meninggikan kredibiliti serta status mata pelajaran tersebut supaya setaraf dengan mata pelajaran-mata pelajaran lain. Di antara cadangan-cadangan tersebut, termasuklah :-

1. Pengajaran pendidikan jasmani tingkatan empat perlulah diserahkan kepada guru-guru yang telah mendapat latihan khas dan guru yang bertauliah bagi melaksanakan programnya seperti yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran

Malaysia. Jika ianya dilaksanakan oleh guru yang tidak mempunyai latihan khas dan bertauliah, maka pelaksanaannya boleh menimbulkan banyak masalah dari segi pengajaran dan pembelajaran, terutamanya dari segi kaedah mengajar pendidikan jasmani. Guru-guru yang bertauliah mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam kaedah mengajar, contohnya permainan hoki, tenis, sepak takraw dan olahraga yang dikhaskan kepada pelajar tingkatan empat memerlukan pengetahuan dan kaedah yang sesuai bagi melaksanakan pengajarannya. Ini adalah semata-mata untuk menarik minat pelajar-pelajar serta melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani. Guru-guru Pendidikan Jasmani khas dan bertauliah juga hendaklah diberi sekurang-kurangnya 14 waktu pengajaran bagi Pendidikan Jasmani dalam seminggu seperti yang diarahkan oleh kementerian (*Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979*).

2. Panitia mata pelajaran perlu berperanan memilih dan mencadangkan buku-buku rujukan atau bahan-bahan bacaan tambahan yang sesuai dengan keperluan pembelajaran para pelajar. Ini adalah kerana sukatan pelajaran pendidikan jasmani tingkatan empat agak sukar dan memerlukan pembacaan bagi mencapai pengajaran yang berkesan. Panitia juga perlu mengatur perjumpaan dengan ahli-ahli panitia untuk membincangkan masalah-masalah atau isu-isu yang berkaitan seperti masalah yang berhubung dengan kaedah mengajar serta mencari jalan penyelesaiannya. Fail-fail panitia, minit-minit mesyuarat serta rekod-rekod

laporan perlu dilengkapkan dan disempurnakan bagi memudahkan kerja pengurusan pengajaran dan pembelajaran .

3. Walaupun kemudahan dan peralatan untuk aktiviti PJ bukan merupakan masalah utama, namun penyediaan kemudahan fizikal yang cukup, sempurna, selamat dan canggih. Penyediaan peralatan yang tidak berkualiti boleh mendatangkan keburukan kepada penggunaanya. Jadi pihak pentadbir haruslah memastikan guru-guru sukan atau guru yang bertanggungjawab membeli peralatan yang mempunyai kualiti yang baik dan terjamin keselamatannya.
4. Pengambilan guru-guru bagi latihan khas Pendidikan Jasmani, khususnya guru-guru perempuan perlulah ditambah supaya ianya boleh mengurangkan serta mengatasi masalah kekurangan pakar dalam bidang pendidikan jasmani. Guru-guru tersebut hendaklah diserapkan kepada sekolah menengah kerana masalah kekurangan guru opsyen PJ adalah serius di sekolah menengah.
5. Senario pendidikan di Malaysia adalah berfokuskan kepada peperiksaan dan pencapaian akademik bagi mendapatkan skor 'A'. Ianya bukan ke arah penerokaan ilmu pengetahuan. Jadi dengan kajian ini diharapkan mata pelajaran pendidikan jasmani dan kesihatan dijadikan sebagai subjek peperiksaan dalam peperiksaan awam. Maka secara tidak langsung pengajaran dan pembelajaran subjek ini akan menjadi tumpuan bagi semua pihak termasuk pihak pentadbir

sekolah, pihak pentadbir pendidikan daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

6. Kerjasama daripada pihak pentadbir sekolah diperlukan untuk meningkatkan status subjek pendidikan jasmani, di mana guru-guru yang mempunyai latihan khas pendidikan jasmani haruslah diberi 14 waktu mengajar seminggu. Manakala guru yang mempunyai opsyen PJ seharusnya tidak mengambil tugas lain seperti mengajar subjek Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris sepenuhnya. Jadi, disarankan agar pihak pentadbir sekolah dan daerah perlulah mematuhi surat pekeliling yang sedia ada agar kecemerlangan serta keprofesionalisme pendidikan jasmani terserlah dan objektif kurikulumnya tercapai.
  
7. Kursus-kursus dalaman peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran kurikulum pendidikan jasmani amat kurang diadakan. Maka, disarankan agar pihak pentadbir sekolah, daerah dan negeri sentiasa mengadakan kursus, seminar, bengkel, kolokium, persidangan yang berkaitan dengan pendidikan jasmani. Kerjasama dari pihak universiti, maktab dan persatuan juga dapat menyelesaikan masalah tersebut. Sekiranya kekurangan pakar di pihak daerah dan negeri, mereka boleh memohon kerjasama dan bantuan dari pihak Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Maktab Perguruan, Persatuan Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan Malaysia dan sebagainya.

## 5.5 Kesimpulan

Pelaksanaan kurikulum pendidikan jasmani tingkatan empat di negeri Kelantan telah menghasilkan beberapa dapatan kajian mengenai pencapaian objektif, strategi dan kaedah yang digunakan oleh guru pendidikan jasmani ; masalah dan halangan yang dihadapi oleh guru PJ dan sikap serta persepsi guru terhadap mata pelajaran pendidikan jasmani. Keempat-empat skop kajian ini adalah berkaitan antara satu sama lain. Jika strategi dan kaedah yang digunakan adalah bersesuaian, masalah dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dikurangkan atau diselesaikan dan sikap yang positif diberikan terhadap mata pelajaran ini, maka matlamat dan objektif kurikulum pendidikan jasmani akan tercapai. Sebaliknya, jika kaedah pengajaran yang digunakan adalah tidak sesuai, masalah pengajaran dan pembelajaran PJ tidak dapat diselesaikan dan sikap negatif diberikan kepada mata pelajaran ini, maka matlamat dan objektif kurikulum pendidikan jasmani KBSM tidak akan tercapai.